

113 年導遊人員及領隊人員評量測驗試題

代號：4213
頁次：7-1

類 科：通用制外語導遊人員（馬來語）、通用制外語導遊人員（馬來語）應測
1 科、專用制外語導遊人員（馬來語）應測 2 科

科 目：外國語（馬來語）

評量時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當答案。

(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。

(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Peraturan jalan raya Taiwan mewajibkan setiap _____ dalam kereta mengikat tali pinggang keledar sepanjang perjalanan.
(A) penonton (B) penumpang (C) pejalan (D) pembaca
- 2 Pelancong: Wah, kami sudah sampai di pintu pameran lukisan!
Pemandu pelancong: Sebelum melawat pameran lukisan kita harus membeli tiket _____.
(A) keluar (B) masuk (C) wang (D) simpan
- 3 Pelancong boleh menggunakan _____ di kompleks membeli-belah, kedai serbaneka dan restoran di Taiwan.
(A) hutang (B) Ringgit Malaysia
(C) kad kredit antarabangsa (D) pinjaman
- 4 Untuk menarik lebih _____ pengunjung umat Islam, Taiwan bertungkus-lumus untuk mewujudkan persekitaran mesra Muslim di setiap pejabat pengurusan kawasan pemandangan dengan menyediakan kemudahan membersihkan diri dan surau.
(A) ramai (B) sedikit (C) cantik (D) murah
- 5 MRT menawarkan tiket satu hari yang berharga NTD150 dan boleh diguna _____ hari dari pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam.
(A) semua (B) sepanjang (C) selama (D) seluruh
- 6 Taiwan memiliki pemandangan alam semula jadi yang indah dan budaya berbilang etnik yang _____.
(A) pantas (B) mempesonakan (C) menarikkan (D) mudah
- 7 Binatang berikut yang manakah tinggal di dalam laut?
(A) sumpah-sumpah (B) ubur-ubur (C) cengkerik (D) rama-rama
- 8 Sebelum ke luar negara kita boleh _____ wang di bank.
(A) memulang (B) menguntung (C) menukar (D) merugi
- 9 Petang ini kita mahu _____ ke Zoo Negera dan Muzium Negera.
(A) melawat (B) bermain (C) memakan (D) menjalankan
- 10 Pilih kata atau ayat tanya yang tidak sesuai untuk digunakan dalam ayat ini:
_____ rumah Ketua Kampung Sentosa?
(A) Di manakah (B) Dari manakah (C) Jauhkah (D) Dekatkah
- 11 Perkhidmatan kosmetik dan pemeriksaan _____ di Taiwan telah _____ dengan pelancongan secara beransur-ansur.
(A) kesihatan...bergabung (B) keperibadian...bercantum
(C) kesaksamaan...berbincang (D) keseimbangan...bersenjata
- 12 Industri perhotelan Taiwan _____, terdapat banyak hotel mewah yang sudah mencapai tahap antarabangsa.
(A) berjalan lancar (B) beratur lama (C) berkembang pesat (D) bertempat strategik
- 13 _____ sini _____ Tainan mengambil masa lima jam.
(A) Pada...kepada (B) Kepada...di (C) Daripada...dari (D) Dari...ke

- 14 Hari ini bapa pergi ke rumah saudara _____ pukul lapan pagi _____ pukul lima petang.
(A) di...pada (B) daripada...kepada (C) tentang...kecuali (D) dari...hingga
- 15 Pilih ayat yang paling sesuai untuk melengkapkan perbualan ini:
Ibu: Aiman, pastikan kamu sentiasa gunakan jejantas semasa melintas jalan.
Aiman: _____.
(A) Baiklah, saya akan melintas jalan pada masa lapang
(B) Baiklah, saya akan berhati-hati semasa gunakan jejantas
(C) Baiklah, saya tidak akan menyeberangi jalan tanpa menggunakan jejantas
(D) Baiklah, saya akan menyeberangi jalan tanpa menggunakan jejantas
- 16 Kita patut _____ penyalahgunaan dadah demi kesihatan sendiri.
(A) menghadiri (B) menghindari (C) menghidapi (D) menghadapi
- 17 Restoran Halal ialah restoran yang mempunyai tukang masak Muslim dan menyediakan menu halal dari sumber halal mengikut syarat yang _____.
(A) tidak dibenarkan (B) diperhentikan (C) ditolakkan (D) dibenarkan
- 18 Ayat berikut mungkin digunakan dalam situasi yang mana?
“Masa menjawab sudah tamat. Anda semua dikehendaki berhenti menulis.”
(A) pemeriksaan (B) peperiksaan (C) perjalanan (D) pengangkutan
- 19 Ibu: Lian, esok kamu mahu ke Taiwan, jangan lupa membawa passport dan tiket _____.
Lian: Ya, ibu.
(A) kereta api (B) penerbangan (C) bas (D) teksi
- 20 Nenek: Jangan _____ di dalam kabin kapal terbang.
Adik: Baiklah nenek.
(A) duduk (B) jalan (C) lari (D) baring
- 21 “Terima kasih kerana _____ untuk terbang bersama kami,” kata pramugari itu.
(A) terpaksa (B) menikmati (C) memilih (D) mempunyai
- 22 Taiwan terletak di kawasan subtropika. Ia mempunyai musim dan iklim yang berbeza antara bahagian _____.
(A) depan dan belakangnya (B) utara dan selatannya
(C) kiri dan kanannya (D) tengah dan luarnya
- 23 Di Taiwan, voltan yang _____ ialah 110V dan frekuensi yang _____ ialah 60Hz.
(A) dibekalkan...digunakan (B) dicarikan...diperoleh
(C) ditunjukkan...ditulis (D) dimiliki...dihentikan
- 24 Tambang teksi Taiwan di bandar-bandar utama biasanya dikira berdasarkan sistem bermeter, _____ tambang teksi di luar bandar biasanya mengikut kadar yang ditetapkan melalui _____ antara pemandu dan penumpang.
(A) mudah-mudahan...pergaduhan (B) kalau...pertimbangan
(C) malahan...pertengkaran (D) manakala...persetujuan
- 25 Tasik Sun Moon atau dikenali sebagai Tasik Matahari Bulan ialah tasik semula jadi di Taiwan yang memiliki pemandangan yang cantik. _____, banyak hotel dan tempat penginapan tertumpu di sini.
(A) Oleh itu (B) Disebabkan oleh (C) Kerana itu (D) Dijadikan itu
- 26 Pemuda itu didapati bersalah kerana melakukan _____ di sebuah kedai emas.
(A) ragutan (B) rompakan (C) rombongan (D) rampasan
- 27 Melaka merupakan _____ yang strategik kerana ia terletak di antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Pulau Sumatera.
(A) pelaburan (B) pelabuhan (C) perlaburan (D) perlabuhan

- 28 Gurunya tidak _____ dia dapat lulus dalam peperiksaan kali ini.
(A) sangka (B) angka (C) sanggup (D) sangkap
- 29 Banyak taman rekreasi menawarkan kemudahan hotel, restoran dan kompleks membeli-belah untuk _____ keperluan rekreasi dan hiburan para _____.
(A) mencapai...pelancong (B) memudahkan...pengunjung
(C) memenuhi...pengunjung (D) mengurangkan...pelancong
- 30 Ucapan rasmi biasanya diakhiri dengan _____.
(A) Salam sejahtera dan selamat datang (B) Terima kasih tuan/puan pengerusi majlis
(C) Sekian terima kasih (D) Sebarang cadangan anda amat dihargai
- 31 Pekerja-pekerja kilang masih lagi _____ hal kenaikan gaji dengan majikan mereka.
(A) membantahkan (B) mengemukakan (C) mendebatkan (D) mempertahankan
- 32 Kasut Yuby _____ oleh anjing hitam itu.
(A) dimasak (B) dimasuk (C) dipotong (D) digigit
- 33 _____ jalan itu dihias dengan bendera pada Hari Kemerdekaan.
(A) Sepanjang (B) Sepanjangannya (C) Sesepanjang (D) Sesepanjangannya
- 34 Pilih pernyataan yang paling tepat berdasarkan situasi berikut:
Pak Ramli menjual pelbagai makanan dan minuman. Ramai pelanggan datang ke restoran Pak Ramli untuk membeli nasi lemak.
(A) Nasi lemak ialah makanan yang paling murah di restoran Pak Ramli.
(B) Nasi lemak ialah makanan terkenal di restoran Pak Ramli.
(C) Nasi lemak ialah satu-satunya makanan yang dijual di restoran Pak Ramli.
(D) Nasi lemak ialah satu-satunya makanan yang enak di restoran Pak Ramli.
- 35 Lawatan ke ladang ternakan merupakan konsep percutian yang sangat popular dan _____ masyarakat moden, terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di bandar.
(A) disukai (B) diterima sebagai (C) dianggap sebagai (D) digemari oleh
- 36 Antara aktiviti yang ditawarkan di ladang pelancongan termasuklah _____ buah-buahan, bengkel buat sendiri (DIY) dan lain-lain yang sesuai untuk disertai bersama dengan _____.
(A) penghapusan...pengunjung (B) pemetikan...ahli keluarga
(C) pencarian...kekasih (D) pembaziran...kawan-kawan
- 37 Kita tidak patut _____ semasa temu duga semata-mata untuk mendapat peluang kerja yang diinginkan.
(A) mengarat (B) mengarut (C) mengurut (D) mengurat
- 38 Ayat tanya berikut yang manakah kurang biasa digunakan semasa membayar di kaunter restoran?
(A) Bolehkah saya bayar dengan kad kredit? (B) Bolehkah saya bayar secara ansuran?
(C) Bolehkah kami bayar masing-masing? (D) Adakah kamu hanya menerima wang tunai?
- 39 Saya terdengar suara dua orang _____ dari lorong yang gelap dan sempit itu.
(A) bersiar-siar (B) berbisik-bisik (C) berdiam-diam (D) berulang-ulang
- 40 Setiap orang akan diberikan _____ untuk mengemukakan pendapat sendiri dalam mesyuarat hari ini.
(A) kesempatan (B) kebolehan (C) kesimpulan (D) kejanjian
- 41 Metro Taoyuan, juga _____ sebagai Metro Lapangan Terbang, menawarkan perkhidmatan laluan tren yang _____ pusat bandar Taipei dan Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan.
(A) dikenali...menghubungkan (B) dipanggil...memisahkan
(C) digelar...menjalankan (D) disebut...menghubungi

- 42 _____ terbang ke sana ke mari.
(A) Langit-langit (B) Kuda-kuda (C) Orang-orang (D) Api-api
- 43 Walaupun _____ restoran Turki di Taiwan _____, tetapi masakan Turki amat disukai oleh golongan muda di Taiwan, terutamanya hidangan-hidangan daging.
(A) bilangan...agak kurang (B) tampilan...banyak
(C) ratusan... kurang (D) jumlah...banyak
- 44 Orang Cina membersihkan rumah sebagai _____ untuk menyambut Tahun Baru Cina.
(A) penyedia (B) penyediaan (C) persediaan (D) kesediaan
- 45 Mimi dan Yimei sentiasa bergaduh apabila mereka berjumpa, seperti _____.
(A) kera kena belacan (B) rusa masuk kampung
(C) anjing dengan kucing (D) cincin dengan permata
- 46 Jangan bersandar _____ dinding.
(A) ke (B) kepada (C) di (D) pada
- 47 Datuk Leni mengambil se _____ risalah dari kedai runcit itu.
(A) buku (B) naskhah (C) surat (D) buah
- 48 Setiap pelancong ke Taiwan _____ mengisi borang kemasukan sebelum _____ imigresen di kastam.
(A) dimahukan...ujian (B) dikehendaki...pemeriksaan
(C) dijanjikan...percubaan (D) disertakan...perjanjian
- 49 Pemandangan istimewa yang _____ oleh pulau-pulau dan _____ merupakan salah satu tarikan pelancongan di pantai timur.
(A) dihapuskan...saujana (B) dikenakan...pokok kelapa
(C) dijadikan...batu bata (D) dibentukkan...terumbu karang
- 50 Orang tua itu kurang baik _____ nya.
(A) kelihatan (B) penglihat (C) penglihatan (D) lihatan
- 51 “Tahun depan kita akan melancong ke Taiwan, jadi kita harus ikat _____ sekarang untuk mengumpul wang yang cukup,” kata ibu.
(A) tangan (B) kaki (C) tali (D) perut
- 52 Pilih pernyataan yang betul berdasarkan ayat berikut:
Destinasi-destinasi yang tidak sempat dilawati oleh ahli rombongan itu termasuk Perigi Hang Tuah dan Bukit Cina.
(A) Perigi Hang Tuah dan Bukit Cina ialah tempat yang belum dikunjungi oleh ahli rombongan itu.
(B) Perigi Hang Tuah dan Bukit Cina ialah tempat yang telah dikunjungi oleh ahli rombongan itu.
(C) Perigi Hang Tuah dan Bukit Cina belum buka semasa ahli rombongan itu sampai di sana.
(D) Ahli rombongan itu tidak dibenarkan untuk melawati Perigi Hang Tuah dan Bukit Cina.
- 53 Apakah maksud peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”?
(A) bersama-sama mengatasi masalah
(B) menyelesaikan sesuatu dalam masa yang pendek
(C) bertanggungjawab atas pelbagai kerja
(D) hidup dengan berani
- 54 Pilih jawapan yang paling sesuai untuk melengkapkan ayat berikut:
Encik David selalu memberikan galakan kepada anak-anaknya _____.
(A) kerana dia seorang yang ringan tulang dan murah hati
(B) kerana dia seorang yang suka membalas budi
(C) walaupun keputusan peperiksaan mereka selalu kurang memuaskan
(D) walaupun mereka selalu mencapai keputusan yang cemerlang dalam pertandingan sukan

- 55 Pilih pernyataan yang paling tepat berdasarkan keterangan berikut:
Saya membawa pakaian mandi dan barang keperluan harian. Ibu pula membawa bekalan makanan. Setelah segalanya tersedia, ayah terus menghidupkan enjin dan bergerak menuju ke destinasi kami.
(A) Mereka mungkin pergi berkelah.
(B) Mereka mungkin mahu menghadiri jamuan.
(C) Mereka pergi ke destinasi dengan menaiki teksi.
(D) Mereka belum pasti mahu pergi ke mana.
- 56 Hotel Grand Yuan Shan merupakan _____ di Yuanshan yang ditubuhkan pada tahun 1952. Hotel ini mempunyai 14 tingkat dan dibina berasaskan gaya seni bina istana China.
(A) mercu tanda (B) tanda tinggi (C) keseragaman (D) tanda hormat
- 57 Ayat berikut yang manakah paling mungkin digunakan untuk tunjuk jalan?
(A) Pasangkan tali keselamatan semasa memandu.
(B) Kita mesti gunakan jejantas untuk melintas jalan.
(C) Tengok kiri dan kanan sebelum menyeberangi jalan.
(D) Bangunan itu terletak di sebelah perhentian bas.
- 58 Encik Subang _____ anaknya Nina.
(A) menamai (B) menamakan (C) bernama (D) bernamakan
- 59 Pengemis itu tidur di tepi jalan _____ langit.
(A) beratap (B) beratapkan (C) diatap (D) diatapkan
- 60 Pilih pernyataan yang paling tepat berdasarkan pertanyaan berikut:
“Saya perlu buang botol plastik ini ke dalam tong yang berwarna merah atau hijau?” tanya pelancong itu.
(A) Pelancong ini tidak dapat membezakan warna merah dan hijau.
(B) Pelancong ini ingin tahu mengapa terdapat dua tong yang berbeza warnanya.
(C) Pelancong ini ingin tahu apakah warna plastik yang dibuang olehnya.
(D) Pelancong ini ingin membuang sampah ke dalam tong yang betul.
- 61 Walaupun kita datang dari negara yang berlainan, kita harus hidup _____.
(A) berkasih-kasih (B) berkasih-kasih (C) kasih-mengasih (D) kasih-mengasih
- 62 Emak membuang gulai malam tadi yang telah _____.
(A) basi (B) hanyir (C) hangus (D) hangat
- 63 Puan Fatimah menderma 500 juta ringgit kepada sekolah. Hal ini menjadi _____ semua orang.
(A) banyak mulut (B) berat mulut (C) buah mulut (D) berat tangan
- 64 Semua pesakit harus mengisi borang _____ sebelum menjumpa doktor di klinik ini.
(A) temu janji (B) janji temu (C) tamu janji (D) janji tamu
- 65 “Esok jangan lupa membawa kamera dan _____ ke Taman Negeri,” kata Lian kepada Rudi.
(A) dekak-dekak (B) kunang-kunang (C) kuda-kuda (D) kaki-kaki
- 66 Ketika melihat anak mereka berluka parah, perasaan ibu dan bapanya _____.
(A) bagai beliung dengan asahan (B) bagai dihiris dengan sembilu
(C) bagai wau putus tali (D) bagai aur dengan tebing
- 67 Banyak barang yang _____ di tengah jalan.
(A) dicicir (B) mencicir (C) bercicir (D) tercicir
- 68 Pak Cik Lim menggantungkan _____ bidai di hadapan kedainya sebagai hiasan.
(A) sehelai (B) sebidang (C) sekeping (D) sebatang

- 69 Passport ini mesti _____ sebelum bulan November ini.
(A) dibaru (B) diperbaru (C) dibaharu (D) diperbaharu
- 70 Jalan ke kampung itu menjadi _____ selepas hujan lebat.
(A) bengkok (B) benggang (C) bocor (D) becak

請依下文回答第 71 題至第 75 題：

Malaysia ialah sebuah negara yang kaya dengan pelbagai budaya dan tradisi. Setiap tahun, orang Malaysia menyambut pelbagai perayaan kebangsaan dan perayaan kaum yang meriah. Perayaan kebangsaan adalah seperti Hari Kemerdekaan, Hari Ibu, Hari Guru dan lain-lain. Perayaan kaum pula adalah seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali dan lain-lain.

Hari Kemerdekaan dirayakan pada 31 haribulan Ogos untuk memperingati kemerdekaan Malaysia. Rakyat Malaysia bersama-sama menyambut hari bersejarah ini dengan penuh semangat patriotisme. Rumah-rumah dan tempat awam dihiasi dengan bendera. Pelbagai acara seperti persembahan seni, pertandingan sukan dan aktiviti kebudayaan diadakan di seluruh negara untuk memeriahkan suasana dan juga sebagai tanda penghargaan warisan yang membentuk identiti Malaysia.

Hari Raya Puasa juga dikenali sebagai Hari Raya Aidilfitri. Perayaan ini disambut oleh masyarakat Islam selepas bulan Ramadan. Dalam bulan Ramadan, umat Islam berpuasa dengan tidak makan dan minum dari fajar hingga matahari terbenam. Bagi umat Islam, disiplin dan kesabaran ini adalah untuk menyucikan jiwa dan memperkuat ketaatan kepada Tuhan. Pada Hari Raya Puasa, umat Islam menziarahi kaum keluarga, saudara-mara dan sahabat handai. Mereka bermaaf-maafan di antara satu sama lain sebagai tanda kasih sayang dan keharmonian dalam perayaan keagamaan ini.

Kaum Cina pula merayakan Tahun Baru Cina yang menandakan permulaan hidup baru. Kaum Cina balik ke kampung untuk berkumpul dengan ahli-ahli keluarga. Pertukaran dan pemberian “Angpau” (sampul kecil yang berwarna merah dengan wang di dalamnya) merupakan tanda yang membawa keuntungan dan kesejahteraan. Acara-acara seperti persembahan tarian singa, tarian naga, mercun, bunga api dan lain-lain memeriahkan suasana dan dipercayai mendatangkan kemakmuran kepada masyarakat Cina.

Hari Deepavali merupakan perayaan yang penting bagi Kaum India yang beragama Hindu. Perkataan “Deepavali” bermakna arah atau jalan cahaya. Perayaan ini diraikan untuk memperingati kemenangan kebaikan ke atas kejahatan dan menyambut kedatangan cahaya dan keberkatan. Pada malam Hari Deepavali, mereka memasang lampu-lampu kecil di sekeliling rumah. Mereka juga menyembah Dewi Lakshmi yang dianggap sebagai dewi kekayaan dan kemakmuran dalam kepercayaan Hindu.

- 71 “Semangat Patriotisme” dalam perenggan kedua bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap:
(A) rakyat Malaysia (B) Perdana Menteri (C) tanah air (D) hari perayaan
- 72 Hari Raya Puasa biasanya diraikan oleh siapa di Malaysia?
(A) umat Islam (B) orang India (C) orang Cina (D) semua agama
- 73 Apakah yang dilakukan oleh umat Islam dalam bulan Ramadan?
(A) makan dan minum sepanjang hari (B) berpuasa dari fajar hingga matahari terbenam
(C) menukar atau memberi “Angpau” (D) memasang lampu-lampu di sekeliling rumah
- 74 Apakah yang diraikan oleh kaum Cina dalam Tahun Baru Cina?
(A) kemenangan kebaikan (B) kemerdekaan Malaysia
(C) permulaan hidup baru (D) kemenangan agama

- 75 Apakah simbolisme lampu pelita dalam Hari Deepavali?
(A) simbol keberkatan dan kebaikan (B) simbol ketaatan kepada tuhan
(C) simbol semangat patriotisme (D) simbol penyucian diri

請依下文回答第 76 題至第 80 題：

Negara kita terkenal dengan hutan yang kaya dengan alam ciptaan Tuhan yang masih belum dicemarkan oleh manusia. Hutan hujan tropika di Malaysia tidak berbeza dengan hutan yang terdapat di negara-negara jiran atau yang terdapat di Amazon, Amerika Selatan. Mengikut dokumen-dokumen semasa, kira-kira 75 peratus tanah di Malaysia masih diliputi hutan. Sungguhpun begitu, keluasan kawasan hutan kita akan berkurangan akibat penebangan secara berterusan sama ada untuk pembalakan, perindustrian, pertanian, atau tempat kediaman.

Semua makhluk Tuhan memerlukan udara bersih untuk terus hidup dengan selesa. Tumbuh-tumbuhan berfungsi untuk menyedut karbon dioksida dan membebaskan oksigen. Oleh itu, dengan berkurangnya kawasan hutan negara, udara yang bersih akan berkurangan.

Hutan juga berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan. Sekiranya hutan-hutan terus ditebang dari masa ke masa, sudah tentulah kawasan tadahan hujan turut berkurangan. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya banjir kilat kerana air hujan yang menimpa bumi mengalir dengan cepat ke kawasan yang lebih rendah. Apabila air ini bertakung dan melimpah dengan cepat, maka terjadilah banjir kilat. Selain itu, hakisan dan tanah runtuh yang kerap berlaku diakibatkan juga oleh penebangan hutan yang kian meningkat.

Air, tanah, dan matahari merupakan sumber kehidupan bagi fauna dan flora. Haiwan dan tumbuhan, secara langsung dan tidak langsung, saling bergantung sehingga mewujudkan suatu ekosistem yang serasi atau seimbang. Keseimbangan ekosistem tersebut sangat perlu dipelihara atau dikawal agar kehidupan dapat berlangsung. Kerosakan pada salah satu komponen ekosistem akan menjejaskan keseimbangan alam. Oleh sebab hutan sangat penting kepada kita, maka langkah-langkah untuk mengekalkan keseimbangan alam ini harus dititikberatkan.

- 76 Apa yang akan terjadi kalau hutan-hutan terus ditebang dari masa ke masa?
(A) akan menyebabkan berlakunya banjir kilat dan tanah runtuh
(B) akan menubuhkan banyak pulau yang cantik dan luas
(C) akan menyebabkan tumbuh-tumbuhan cepat tumbuh dan banyak berhasil
(D) akan menambahkan banyak oksigen
- 77 Apakah antonim untuk perkataan “dititikberatkan”?
(A) diutamakan (B) dipentingkan (C) diperhatikan (D) diabaikan
- 78 Pilih satu tajuk yang paling sesuai untuk karangan ini:
(A) Menambah banjir dan kebakaran (B) Menimpa bumi mengalir dengan lambat
(C) Melindungi hutan dan alam kita (D) Kemajuan negara kita
- 79 Apakah perkataan lain yang sama makna dengan fauna dan flora?
(A) bunga dan rumput (B) binatang dan tumbuhan
(C) sungai dan gunung (D) matahari dan bintang
- 80 Apakah yang menyebabkan keluasan kawasan hutan kita semakin kurang?
(A) banyak haiwan tinggal di dalam hutan
(B) banyak karbon dioksida
(C) banyak taman negara di kawasan hutan tertentu
(D) banyak pembalakan, perindustrian, pertanian